



UniMAP - UNIDA Tandatangani Surat Niat (LOI) Pelbagai Sektor

Tertarik dengan pelbagai inovasi penyelidikan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mendorong Universitas Djuanda (UNIDA) Bogor, Indonesia untuk menjalinkan kerjasama erat dengan universiti ini. Hasrat itu disuarakan Rektor UNIDA, Dr. H. Martin Roestamy, SH.MH yang mengetuai delegasi UNIDA membuat kunjung hormat ke UniMAP.

Menurut Dr Martin, beliau juga berhasrat menjalinkan kerjasama mengenai isu halal sekaligus mewujudkan hab makanan halal di rantau ini dengan gabungan teknologi serta kepakaran yang dimiliki UniMAP. Selain itu UNIDA turut memberi fokus mengenai pertanian malah tertarik dengan kepakaran UniMAP dalam membangunkan teknologi rumah hijau bagi menghasilkan mempelam harumanis sepanjang tahun.

Selain sektor halal dan pertanian, perbincangan UNIDA dan UniMAP ini turut merangkumi pertukaran pelajar dan tenaga pengajar, kerjasama jurnal antarabangsa, pendalaman iman serta takwa dalam teknologi dan penelitian dalam pelbagai bidang ilmu yang bersesuaian. Bagi merealisasikan hasrat itu, Surat Niat (LOI) turut ditandatangani oleh kedua-dua universiti.

Terdahulu, Datuk Prof. Dr Kamarudin berkata beliau sangat teruja dengan hasrat UNIDA ini dan merancang bagi mengadakan kunjungan balas ke UNIDA pada masa akan datang bagi mengadakan memorandum persefahaman (MoU) bagi mencapai hasrat yang dibincangkan bersama UNIDA.

